

22 JUN 2001

Radio-Islam

STESEN RADIO ISLAM PANCAR SIARAN JULAI INI

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Stesen Radio Islam pertama di Malaysia akan dipancar siarannya ke seluruh negara mulai 6 Julai ini sebaik selepas perasmian oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Datuk Dr Ismail Ibrahim berkata radio IKIM FM itu mempunyai agenda yang tersendiri dan bukan bertujuan menyaingi radio-radio swasta lain.

"IKIM FM lebih kepada penyiaran hiburan yang seimbang dengan maklumat, dakwah serta kefahaman mengenai Islam," katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Agung Tahunan Ke-9 IKIM di Jalan Duta di sini hari ini.

Katanya, ia adalah sebagai persediaan menjadikan Islam sebagai Ad-din (cara hidup) di negara ini dan bahasa yang digunakan ialah Bahasa Melayu sebanyak 80 peratus dan 20 peratus Bahasa Inggeris.

Radio yang akan disiarkan 24 jam sehari itu telah mula ke udara melalui frekuensi percubaan sejak beberapa bulan lepas dalam usaha untuk melihat maklum balas pendengar, katanya.

"Sambutan adalah baik cuma kita ada terima maklum balas bahawa lagu-lagu yang disiarkan tidak begitu sesuai," katanya.

Idea penubuhan radio itu telah terbit sejak 1992 ketika IKIM ditubuhkan dan Dr Ismail hari ini menjangkakan IKIM akan mempunyai stesen televisyennya sendiri pada masa hadapan.

Stesen radio Islam itu akan beroperasi dari konti di dalam bangunan tambahan IKIM dan beliau berharap radio itu akan memainkan peranan utama dalam mengembangkan fahaman Islam.

Siaran radio itu juga boleh diikuti melalui internet, katanya.

Stesen itu dibangunkan dengan bantuan RTM dengan peruntukan sebanyak RM12.8 juta.

-- BERNAMA

SLR AHH MOZ